



Ruj. Kami : JPNPP(SUK)600-2/27 JLD.3 (7)
Tarikh : 19 April 2018

PENGETUA DAN GURU BESAR

Semua Sekolah Menengah Dan Rendah Negeri Pulau Pinang

Tuan,

KEJOHANAN WUSHU MAJLIS SUKAN SEKOLAH PULAU PINANG (MSSPP) PERINGKAT NEGERI TAHUN 2018

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Persekutuan Persatuan-persatuan Wushu, Tarian Singa Dan Naga Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Jawatankuasa Pembangunan Sukan Wushu MSSPP dan Penang Free School akan menganjurkan Kejohanan Wushu MSSPP seperti ketetapan berikut:-

Tarikh : **30 Jun 2018 (Sabtu) – Kategori Sekolah Menengah**
1 Julai 2018 (Ahad) – Kategori Sekolah Rendah
Masa : **8.00 pagi hingga 6.00 petang**
Tempat : **Dewan Silat, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang,**
Jalan Sultan Azlan Shah, Batu Uban, Pulau Pinang

3. Sehubungan dengan itu, sekolah yang mengambil bahagian **WAJIB** menghantar seorang guru yang mewakili sekolah ke **Taklimat Pengurus Pasukan** yang akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh : **22 Mei 2018 (Selasa)**
Masa : **2.00 petang hingga 5.00 petang**
Tempat : **Dewan Cheesman, Pusat Kecemerlangan Sukan Westlands,**
Jalan Padang Victoria, Pulau Pinang

4. Untuk makluman tuan, **Maklumat Kejohanan dan Borang Pendaftaran** boleh muat turun dari laman sesawang MSSPP (www.msspp.com/index4/php) atau e-mel rasmi sekolah '@jpnpp.edu.my'. **Borang pendaftaran asal yang disahkan oleh Pengetua / Guru Besar perlu diserahkan kepada urus setia semasa Taklimat Pengurus Pasukan.** Sekiranya tiada wakil guru daripada sekolah tuan/puan menghadiri taklimat tersebut maka pihak penganjur akan menganggap sekolah tuan/puan tidak akan menyertai pertandingan ini.

5. Sebarang pertanyaan berkenaan perkara tersebut, boleh berhubung terus dengan En. Ong Beng Soon (PTPS MSSPP) di talian 017-5883520 atau Cik Chong Kwang Yen (Penyelia Sukan) di talian 016-4159434.

Kerjasama dan sokongan tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PENDIDIKAN PULAU PINANG DI PERSADA ANTARABANGSA”

Saya yang menurut perintah,



(HAJI ABDUL HALIM BIN HAJI IBRAHIM)

Ketua Unit Sukan

b.p. Pengarah Pendidikan

Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang

Email: halim65usjpp@gmail.com

- s.k.:
1. Pengarah Pendidikan
 2. Pegawai Pendidikan Daerah Timur Laut/ Barat Daya/ Utara/ Tengah/ Selatan
 3. PTPS Wushu MSSPP – En. Ong Beng Soon, Penang Free School
 4. Presiden Persekutuan Persatuan-persatuan Wushu, Tarian Singa Dan Naga Negeri Pulau Pinang